

06/11/1999

Reka bentuk bangunan perlu sesuai dengan peralatan

PUTRAJAYA, Jumaat - Arkitek tempatan perlu mereka bentuk bangunan mengikut kesesuaian peralatan yang akan digunakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun arkitek tempatan berjaya membina bangunan-bangunan unik di negara ini, masih ada bangunan yang belum dapat disesuaikan dengan peralatan baru.

"Saya tak puas hati bila banyak bangunan belum disesuaikan dengan peralatan baru khususnya penghawa dingin yang masih digantung di tingkap. Kadang-kadang berderet di luar menjadikan bangunan yang cantik, kurang cantik.

"Selain itu, tabiat dua tiga orang yang gantung dia punya `triumph' (baju dalam) dan seluar dalam di tingkap. Kita sudah mempunyai bendera sendiri, jadi tidak payah mengibar seluar dalam untuk menggambar keindahan Malaysia kepada pelancong," katanya berucap melancarkan buku KLIA Gateway to Malaysia, di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Turut hadir penulis buku berkenaan, Datuk Esa Mohamad dan Presiden Pertubuhan Arkitek Malaysia, Datuk Parid Wardi.

Dr Mahathir menyarankan supaya arkitek tempatan memberi pertimbangan serius apabila mereka bentuk bangunan supaya ia disesuaikan mengikut peralatan atau membentuk peralatan yang sesuai dengan bangunan itu.

Antaranya ialah semua bangunan yang akan dibina selepas ini, dilengkapi dengan alat pengering.

Beliau bagaimanapun memuji kejayaan arkitek tempatan dalam menghasilkan pelbagai reka bentuk canggih sehingga membuka mata pelancong.

"Selepas memiliki bangunan klasik yang dibina ketika zaman British, kemiskinan serta kekurangan sumber kewangan ketika baru merdeka 42 tahun lalu, menyaksikan Malaysia mempunyai banyak bangunan yang bentuknya sama seperti kotak rokok.

"Bagaimanapun, Malaysia telah membangun begitu pantas dan kemajuannya boleh dilihat daripada pelbagai reka bentuk bangunan canggih yang dibina di seluruh negara.

"Sebelum 1997, pendapatan perkapita kita ialah AS\$5,000 berbanding AS\$300 ketika baru mencapai kemerdekaan. Jadi bila kita ada duit kita boleh belanja, maka eloklah kalau kita buat bangunan yang mempunyai ciri tersendiri. Ini keputusan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan membina Putrajaya dan pelbagai bangunan kerajaan lain dengan reka bentuk khusus untuk menggambarkan kementerian terbabit.

"Ini akan memudahkan kita untuk melihat karektornya. Justeru, saya ingin mengucapkan tahniah kepada arkitek Malaysia kerana berjaya mencipta bangunan unik termasuk bangunan ini (Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya) dan mahligai saya," katanya berseloroh.

(END)